

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAP BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
(AMPANG)**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Puan Hajah Zuraida binti Kamarruddin (Ampang) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- (a) berapa ramai Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah menyertai
program “Job Coach” kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
dengan kerjasama Japan International Cooperation (JICA); dan**
- (b) berapa ramai OKU yang berjaya memanfaatkan program latihan tersebut.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Program *Job Coach* telah diperkenalkan pada tahun 2012 melalui kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Japan International Cooperation Agency (JICA). Ianya adalah satu program berinisiatif untuk memberi sokongan pekerjaan kepada OKU. Perkhidmatan ini menyediakan individu terlatih yang dikenali sebagai *Job Coach* yang berperanan untuk membantu OKU dan majikan dalam membuat penyesuaian kepada persekitaran dan bidang kerja dengan mengambil kira keupayaan OKU supaya OKU dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif. Selain itu, peranan *Job Coach* adalah untuk mewujudkan hubungan saling memahami antara pekerja OKU dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu OKU kekal dalam pekerjaan.

Bagi tempoh Mac 2012 hingga 2014, seramai 323 OKU telah menyertai program *Job Coach* dan kekal dalam pekerjaan mereka hingga kini. Berbagai kategori OKU telah mendapat pekerjaan

melalui Job Coach Program, seperti OKU Masalah Pembelajaran, OKU Penglihatan, OKU Fisikal, OKU Pelbagai, OKU Pendengaran, OKU Pertuturan dan OKU Mental.

- b) Seramai 323 OKU yang menyertai Program Job Coach telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Program perkhidmatan Job Coach ini dijalankan di seluruh Malaysia. Juga mendapat kerjasama daripada NGO yang mengendalikan OKU. Selain itu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) juga telah berjaya membantu pelatih OKU mereka bagi penempatan kerja di pasaran terbuka.

Program ini juga telah menimbulkan kesedaran kepada majikan bagi menggajikan OKU di perusahaan mereka. Sebanyak 7 buah syarikat besar telah menggajikan OKU dalam perusahaan mereka seperti GCH Retails(M) Sdn bhd (Giant, Cold Storge, Guardian), KFC (M) Holdings Bhd, Mohamed Mydin Holding Bhd (Retail), Shangri-La Hotel, Mc Donald, AEON Big (dahulunya Carrefour), AEON (dahulunya Jusco).